

Jenis Akhbar : Utusan Sarawak

Tarikh : 22/04/2024

Edisi / Muka Surat : Nasional (20)

Tajuk : ANGKASA Tawar Diri Jadi Pengimport Beras

Angkasa tawar diri jadi pengimport beras

ALOR SETAR: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menawarkan diri menjadi pengimport beras dari Thailand dalam usaha menjamin bekalan dalam negara mencukupi.

Presidennya, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, perbincangan mengenainya telah berlangsung bersama badan-badan koperasi negara jiran ketika menghadiri Mesyuarat Pejabat Perniagaan Koperasi Rantau Asia Pasifik, awal tahun ini.

"Saya dah bincang dengan Menteri Koperasi Thailand dan kita menerima tawaran itu untuk mendapatkan bekalan beras dari mereka... dia setuju untuk menawarkan kepada Angkasa, sebab dia tahu kita menghadapi masalah beras."

"Perkara ini bukan senang sebab kita dah ada konsesi yang diberi oleh kerajaan kepada kumpulan tertentu, jadi kita harap dapat berunding dengan kera-


jaan.

"Kita akan ambil bahagian untuk ahli koperasi saja, kita ada lebih tujuh juta ahli dan kita nak memenuhi keperluan (tujuh juta ahli) ni lah dan ini memerlukan perbincangan antara pihak atas dan ini selepas merasmikan Mesyuarat Agung Angkasa Kedah di sini, kelmarin."

Dalam pada itu, Abdul Fattah berkata, Angkasa kini dalam usaha meneroka bidang-bidang baharu dalam mencapai perolehan sebanyak RM73 bilion seperti yang disasarkan kerajaan menjelang 2030.

Beliau berkata, pihaknya yakin sasaran itu mampu dicapai dengan penerokaan bidang teknologi maklumat, keterjaminan makanan serta penerokaan sumber baharu seperti teknologi dan kenderaan elektrik.

Terdahulu, ketika berucap merasmikan mesyuarat itu, Abdul Fattah berkata Angkasa sedang



BERAS IMPORT... Pekerja pasar raya menambah bekalan stok pelbagai jenama Beras Putih Import (BPI) bagi memudahkan pelanggan membuat pilihan di sebuah pasar raya di Senawang. • Foto BERNAMA

meneroka bidang perniagaan yang dapat menyelesaikan isu keterjaminan makanan.

"Contohnya di Pahang, sebanyak 32,000 ekor ayam diternak menerusi Projek Rintis Ternakan

Ayam dengan kerjasama Koperasi Pahang yang kemudian diproses dan ditawarkan melalui kedai BA100 dan 15 outlet di Lembah Klang.

"Angkasa juga dalam proses

membangunkan projek ternakan lembu pedaging yang melibatkan Angkasa Kedah dan Perlis dengan penglibatan empat koperasi sebagai permulaan," katanya.

-Bernama